

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

5. Pusat Pertanian Relau.

- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk jangka masa pendek dan panjang?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk menjual tanah tersebut kepada pihak swasta sekiranya terdapat cadangan untuk pembangunan projek perumahan atau komersial?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha sama ada dalam bentuk projek atau program bagi memastikan Pusat Pertanian Relau terus kekal sebagai pusat kecemerlangan pertanian selain menambah baik fasiliti serta mempelbagaikan lagi fungsi pusat berkenaan selain fungsi asas sebagai pusat latihan pertanian.

- (a) Bagi tujuan perancangan jangka pendek, Pusat Pertanian Relau telah menerima agihan peruntukan pembangunan dan mengurus daripada Kerajaan Negeri masing-masing bagi tujuan pembangunan projek dan kerja-kerja penyelenggaraan, dengan jumlah sekitar RM110,000.00 sehingga RM150,000.00 setiap tahun. Dengan agihan peruntukan tersebut, pihak Jabatan Pertanian Negeri telah melaksanakan projek pembangunan pertanian secara berfasa dengan peruntukan yang diterima, selain sedang berusaha untuk mempromosikan kawasan

tersebut sebagai lokasi penganjuran acara (*event venue*). Ini merupakan langkah awal usaha pihak jabatan dalam merancang semula pembangunan Pusat Pertanian Relau.

Seterusnya, pihak Jabatan dalam fasa perancangan dan pelaksanaan membangunkan semula koleksi tanaman durian di Pusat Pertanian Relau. Objektif utama pelaksanaan projek ini adalah bagi tujuan konservasi varieti dan klon durian serta menjadikan pusat ini sebagai pusat sumber rujukan bagi kajian berkaitan agronomi, taksonomi dan sebagainya. Untuk makluman, sehingga kini terdapat 53 varieti/klon durian telah ditanam bagi tujuan pembangunan pusat konservasi durian dan aktiviti penanaman akan diteruskan lagi secara berfasa.

Selain itu, Pusat Pertanian Relau turut menanam 23 varieti/spesis tanaman lain daripada yang terdiri daripada 13 varieti tanam rambutan, tiga (3) varieti tanaman mangga dan tujuh (7) spesis daripada pelbagai jenis tanaman nadir dan industri. Keseluruhan sebanyak 469 pokok telah ditanam di sekitar Pusat Pertanian Relau dan pusat ini merupakan sebuah *arboretum* atau muzium tanaman yang boleh dijadikan sebagai pusat rujukan bagi tujuan penyelidikan dan pendidikan selain sebagai *green lung* kepada komuniti setempat.

Bagi rancangan jangka panjang, pihak jabatan telah memohon sejumlah peruntukan bagi pembangunan kemudahan fizikal Pusat Pertanian Relau di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12). Projek RMKe-12 yang dicadangkan ialah Durian Agro Valley dan antara komponen pembangunan yang dicadangkan ialah:

- (i) Membangunkan dan menaik taraf kemudahan tempat penganjuran acara, pusat jualan dan pemprosesan buah durian, papan tanda informasi, pondok rehat dan tandas awam;
- (ii) Membangunkan pusat informasi pelancongan, muzium dan galeri durian;
- (iii) Menyediakan kemudahan dan sistem keselamatan; dan

- (iv) Pembinaan jalan masuk/laluan pejalan kaki termasuk kemudahan logistik di kawasan dusun buah-buahan. Diharap dengan cadangan ini, Pusat Pertanian Relau dapat dibangunkan semula dengan fasiliti yang lebih kondusif dan dapat menarik lebih ramai pengunjung serta seterusnya dapat menjana hasil kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pusat Pertanian Relau sebagai pusat agropelancongan di Negeri Pulau Pinang dan oleh yang demikian, Jabatan Pertanian Negeri akan terus melaksanakan projek pembangunan pertanian di situ dengan peruntukan pembangunan sedia ada secara berfasa.

Antara perancangan jangka pendek yang telah dibuat adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan projek pembangunan pertanian secara berfasa;
- (ii) Mempromosikan kawasan tersebut sebagai lokasi penganjuran acara (*event venue*);
- (iii) Membangunkan semula koleksi tanaman durian di Pusat Pertanian Relau bagi tujuan konservasi varieti dan klon durian; dan
- (iv) Menjadikan pusat ini sebagai pusat sumber rujukan bagi kajian berkaitan agronomi, taksonomi dan sebagainya.

Bagi perancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan Pusat Pertanian Relau sebagai Durian Agro Valley. Antara komponen pembangunan yang dicadangkan ialah:

- (i) Membangunkan dan menaik taraf kemudahan tempat penganjuran acara, pusat jualan dan pemprosesan buah durian, papan tanda informasi, pondok rehat dan tandas awam;

- (ii) Membangunkan pusat informasi pelancongan, muzium dan galeri durian;
  - (iii) Menyediakan kemudahan dan sistem keselamatan; dan
  - (iv) Pembinaan jalan masuk/laluan pejalan kaki termasuk kemudahan logistik di kawasan dusun buah-buahan.
- (b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mempertimbangkan penjualan tanah Pusat Pertanian Relau untuk projek perumahan ataupun komersil. Ini selaras dengan pandangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar tapak tersebut diguna pakai oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan Pusat Pertanian Relau amat penting kepada pembangunan negara kerana ia merupakan kawasan pemuliharaan (*conservation*) klon terbaik (*germplasma*) bagi tanaman durian dan rambutan.